

**Parliemen: Malaysia Belum Buat Keputusan Sertai Statut Rom - Nazri
Bernama
12 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Malaysia belum membuat keputusan sama ada hendak menyertai Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa (Statut Rom).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz berkata ini kerana kerajaan mahu memastikan obligasi yang terkandung dalam Statut Rom itu dapat dilaksanakan terlebih dahulu.

"Terdapat beberapa peruntukan dalam Statut Rom itu dan kuasa MJA (Mahkamah Jenayah Antarabangsa) yang menimbulkan keraguan atau kesulitan dari segi undang-undang," katanya pada persidangan Dewan Rakyat pada Selasa.

Antaranya ialah artikel 27 mengenai kekebalan imuniti atau peraturan khas yang digunapakai kepada seseorang menyandang jawatan rasmi di bawah undang-undang domestik atau antarabangsa yang tidak menghalang MJA menjalankan bidang kuasanya atas orang itu.

"Hal ini perlu dikaji semula kerana menyentuh isu imuniti dan kekebalan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan," katanya menjawab soalan M.Kulasegaran (Ipoh Barat-DAP).

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=672426>